

**1. Apakah Kempen Kandungan Retail Buzz?**

Kempen Kandungan Retail Buzz adalah kempen untuk semua Rakan Niaga Caltex yang berdaftar bagi memenangi hadiah wang tunai dan baucar hadiah yang menarik. Kempen ini dianjurkan oleh Chevron Malaysia Limited untuk menyebarkan kesedaran mengenai laman web "Retail Buzz" dan melibatkan Rakan Niaga dalam penghasilan isi kandungan yang berkualiti.

**2. Berapa lamakah tempoh Kempen tersebut? Bilakah pemenang akan diumumkan?**

Tempoh Kempen adalah 6 bulan dari 1 April 2023 sehingga 30 September 2023. Anggaran tarikh untuk pengumuman pemenang adalah 31 Oktober 2023.

**3. Apakah kelayakan yang diperlukan untuk menyertai Kempen Kandungan Retail Buzz?**

Semua Stesen Caltex di Malaysia yang berdaftar secara rasmi sebagai Rakan Niaga Caltex dalam tempoh Kempen layak untuk menyertai Kempen ini.

Untuk berpeluang menjadi pemenang, Peserta Layak perlu mempunyai sekurang-kurangnya empat (4) terbitan artikel yang dikemukakan melalui Borang Kempen Kandungan Retail Buzz rasmi di <https://tinyurl.com/RBContentCampaign> dalam tempoh kempen serta mematuhi syarat-syarat lain yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Kempen ([Terma & Syarat](#))

**4. Siapakah yang tidak layak menyertai Kempen Kandungan Retail Buzz?**

Individu dan krew berikut tidak layak untuk menyertai Kempen:

- Semua organisasi yang tidak berdaftar secara rasmi sebagai Rakan Niaga Caltex di Malaysia.
- Organisasi sokongan seperti Pemasar Berjenama.
- Stesen Caltex / Rakan Niaga Caltex yang telah meninggalkan rangkaian Caltex Malaysia semasa atau selepas tempoh Kempen dan sebelum pengumuman pemenang di [www.retailbuzz.com.my](http://www.retailbuzz.com.my)

**5. Bagaimanakah untuk menyertai Kempen Kandungan Caltex Retail Buzz?**

Sila ikut langkah-langkah di bawah untuk menyertai Kempen:

**Langkah 1** - Peserta Layak perlu mengemukakan maklumat Stesen mereka (Nama Stesen, Orang Hubungan, Nombor Telefon, E-mel) dan maklumat artikel yang dicadangkan (topik artikel, maklumat am artikel serta pengesahan sekiranya terdapat gambar/video) melalui Borang Kempen Kandungan Retail Buzz rasmi di <https://tinyurl.com/RBContentCampaign>.

**Langkah 2** - E-mel sebarang gambar dan/atau video ke [caltexretailbuzz@outlook.com](mailto:caltexretailbuzz@outlook.com) dengan topik artikel sama yang dinyatakan dalam Langkah 1 sebagai Tajuk E-mel. Penyelaras Projek akan menghubungi Peserta Layak untuk maklumat tambahan atau untuk mendapatkan penjelasan tentang isi kandungan yang dikemukakan jika perlu.

## **Soalan Lazim (FAQ)**

### **Kempen Kandungan Retail Buzz**

Mukasurat 2

**Langkah 3** - Setelah diluluskan oleh Chevron, isi kandungan akan ditulis/disunting oleh pasukan editorial Retail Buzz dan diterbitkan secara dalam talian di laman web Retail Buzz ([www.retailbuzz.com.my](http://www.retailbuzz.com.my)).

**Langkah 4** - Setiap artikel yang diterbitkan di laman web Retail Buzz akan mendapat mata berdasarkan jenis kandungan yang dikemukakan. Mata akan diberikan berdasarkan perkara berikut:-

- 2 mata = Artikel yang mempunyai sama ada video ATAU galeri gambar (sekurang-kurangnya 4 gambar) dan teks
- 1 mata = Artikel yang tiada video ATAU galeri gambar

**Langkah 5** - Pada akhir tempoh Kempen, dan sentiasa tertakluk pada Klausula 2.13 dalam Terma & Syarat Kempen, Peserta Layak dengan jumlah mata terbanyak akan diisyiharkan sebagai pemenang Kempen.

#### **6. Apakah hadiah yang disediakan untuk pemenang Kempen?**

Pemenang akan menerima hadiah berikut:-

Hadiah Pertama -	RM900 (Baucar hadiah RM 500 untuk dikongsi di kalangan Krew Stesen dan Wang Tunai RM400 untuk Rakan Niaga)
Hadiah Kedua -	RM700 (Baucar hadiah RM 400 untuk dikongsi di kalangan Krew Stesen dan Wang Tunai RM300 untuk Rakan Niaga)
Hadiah Ketiga -	RM400 (Baucar hadiah RM 200 untuk dikongsi di kalangan Krew Stesen dan Wang Tunai RM200 untuk Rakan Niaga)

#### Nota Penting:

- i) *Hadiah Wang Tunai Stesen sebanyak RM400 (Pertama), RM300 (Kedua) dan RM200 (Ketiga) akan dikreditkan secara terus oleh Chevron ke dalam akaun stesen pemenang.*

#### **7. Apakah yang akan berlaku sekiranya terdapat beberapa stesen seri bagi Hadiah Pertama atau mempunyai bilangan mata yang sama untuk salah satu hadiah yang berlainan?**

Sekiranya seri, pemenang bersama tersebut akan berkongsi wang hadiah terkumpul yang ditawarkan untuk hadiah bersama yang berkaitan.

**Contoh 1:** 3 stesen mempunyai mata yang sama, jumlah untuk 3 hadiah iaitu RM900 + RM 700 + RM 400 = RM2000 (RM1100 untuk krew / RM900 untuk Rakan Niaga) akan dibahagikan kepada RM367 (untuk setiap tiga stesen yang akan dikongsi di kalangan krew masing-masing) dan RM300 (untuk setiap pemenang stesen Rakan Niaga).

**Contoh 2:** 5 stesen mempunyai mata yang sama, jumlah 3 hadiah iaitu RM900 + RM 700 + RM 400 = RM2000 (RM1100 untuk krew / RM900 untuk Rakan Niaga) akan dibahagikan kepada RM220 (untuk setiap lima stesen yang akan dikongsi di kalangan krew masing-masing) dan RM180 (untuk setiap pemenang stesen Rakan Niaga).

**Contoh 3:** 2 stesen mempunyai mata yang sama untuk Hadiah Ketiga, jumlah hadiah iaitu RM400 akan dibahagikan kepada RM100 (untuk setiap dua stesen yang akan dikongsi di kalangan krew masing-masing) dan RM100 (untuk setiap pemenang stesen Rakan Niaga bagi Hadiah Ketiga).

**8. Bolehkah artikel mempunyai lebih daripada satu maklumat atau berita stesen?**

Ya, artikel tersebut boleh mempunyai lebih daripada satu maklumat atau berita stesen. Sekiranya artikel itu diterbitkan, mata hanya akan dikaitkan dengan satu stesen sahaja. Peserta Layak yang mengemukakan maklumat terlebih dahulu pada Borang Kempen Kandungan Retail Buzz akan diberikan mata.

*Contoh: Stesen Servis ABC mengemukakan isi kandungan tentang aktiviti mereka serta acara yang telah berlangsung di EFG Station Sdn Bhd. Mata yang diberikan untuk terbitan artikel tersebut akan dikaitkan dengan Stesen Servis ABC sahaja, manakala EFG Station Sdn Bhd tidak akan mendapat sebarang mata.*

**9. Apakah jenis isi kandungan yang boleh dikemukakan untuk Kempen ini?**

Peserta Layak boleh mengemukakan sebarang jenis kandungan yang berkaitan dengan aktiviti stesen seperti acara dan promosi di stesen, penglibatan dalam komuniti dan penajaan acara atau aktiviti tempatan.

*Contoh: Hari Penghargaan Pelanggan, Sesi “Turun Padang”, Penajaan Hari Sukan Sekolah komuniti dan lain lain lagi.*

**10. Bolehkah Peserta Layak mengemukakan jenis isi kandungan yang serupa semasa Tempoh Kempen?**

Ya, Peserta Layak boleh mengemukakan jenis isi kandungan yang serupa semasa Tempoh Kempen. Walau bagaimanapun, Pengajur berdasarkan budi bicara mutlak mereka akan memutuskan sama ada isi kandungan yang dikemukakan akan dianggap sebagai isi kandungan baharu dan layak mendapat mata.

*Contoh isi kandungan/berita yang mempunyai konsep sama yang tidak akan diberikan mata walaupun ia diterbitkan :*

- *Promosi pemberian air botol percuma di kedai untuk setiap pembelian bahan api RM20 pada April 2023 DAN satu lagi promosi serupa iaitu pemberian payung percuma untuk setiap pembelian bahan api RM50 pada Ogos 2023.*
- *Hari penghargaan pelanggan pada Mei 2023 DAN hari penghargaan pelanggan yang serupa pada Julai 2023.*

**11. Kenapakah stesen patut mengemukakan isi kandungan yang berbeza?**

Isi kandungan akan dinilai berdasarkan perkara berikut :-

1. Isi kandungan baharu - 1 mata
2. Video dan galeri gambar (sekurang-kurangnya 4 gambar) - 1 mata

(Mata tambahan ini adalah di atas satu mata yang diberi apabila stesen menghantar isi kandungan baharu mereka. Sebagai contoh, kandungan baharu akan menerima satu mata. Jika kandungan baharu ini dikemukakan dengan video atau galeri gambar, satu mata tambahan akan diberi. Jumlah dua mata akan diberi untuk artikel tersebut)

Nota: Sekiranya terdapat sebarang manipulasi Terma & Syarat, Penganjur mengikut budi bicara mutlaknya berhak untuk menukar, mengubah, memadam atau menambah mana-mana terma dan syarat ini dengan notis awal.

**12. Bagaimanakah saya tahu jika isi kandungan yang dikemukakan telah diluluskan / tidak diluluskan?**

Jika isi kandungan anda telah diluluskan, ia akan diterbitkan dalam talian di laman web Retail Buzz ([www.retailbuzz.com.my](http://www.retailbuzz.com.my)).

**13. Bagaimanakah pemenang akan dihubungi?**

Pemenang akan dihubungi melalui nombor rasmi WhatsApp CALTEX RETAIL BUZZ iaitu +6010-8441775. Senarai pemenang juga akan disiarkan di laman web Retail Buzz ([www.retailbuzz.com.my](http://www.retailbuzz.com.my)).

**14. Apakah jenis kandungan yang menyebabkan isi kandungan yang dikemukakan tidak diluluskan?**

Isi kandungan yang dilarang termasuk kandungan yang mungkin dianggap menyinggung perasaan, bersifat perkauman, agenda keagamaan politik, kandungan keagamaan yang menghasut, atau kandungan yang mempunyai atau menggalakkan keganasan, bahasa kotor, ketaksuhan, kebencian, atau sebarang jenis bahaya fizikal terhadap mana-mana kumpulan atau individu, termasuk mana-mana kandungan yang dianggap tidak sesuai mengikut budi bicara mutlak Penganjur. Penganjur mungkin akan memaklumkan kepada Peserta Layak jika kandungan yang dikemukakan tidak diluluskan.

**15. Bolehkah stesen menggunakan semula kandungan yang dihasilkan oleh Chevron untuk laman media sosial mereka sendiri?**

Ya, anda boleh dan kami menggalakkan anda berbuat demikian. Kempen ini juga bertujuan untuk membantu anda menghasilkan kandungan berkualiti untuk memasarkan stesen anda secara digital.

## **Soalan Lazim (FAQ)**

### **Kempen Kandungan Retail Buzz**

Mukasurat 5

- 16. Siapakah yang boleh saya hubungi jika saya mempunyai pertanyaan atau penjelasan tambahan?**

Anda boleh menghubungi nombor WhatsApp rasmi CALTEX RETAIL BUZZ di +6010-8441775,  
Ms Kok Mun Yee di 012-279 6154 / e-mel [munyee@chevron.com](mailto:munyee@chevron.com) atau RBC/BMBC anda.